



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN RANGKA LIMA INISIATIF BAJET BERJUMLAH RM 290 JUTA UNTUK PERTIMBANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN BAGI BELANJAWAN 2025

PUTRAJAYA, 6 Ogos 2024 – Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah merasmikan sesi libat urus Belanjawan 2025 selaras dengan tema “Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera”. Sesi ini diadakan bagi mendapatkan cadangan, pandangan dan idea daripada pihak berkepentingan yang banyak membantu Kerajaan dalam menjadi agen dan jentera perpaduan di dalam negara ini.

Pada Belanjawan 2024, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah diperuntukkan sebanyak RM40 juta bagi pelaksanaan inisiatif Kembara Perpaduan Malaysia MADANI dan sebanyak RM20 juta untuk memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata bagi Belanjawan 2025, Kementerian telah merangka keutamaan melalui lima (5) Inisiatif Bajet yang berjumlah RM 290 juta untuk pertimbangan Kementerian Kewangan iaitu:

- i. **Program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian**- melibatkan pelaksanaan agenda perpaduan nasional, integrasi serta keharmonian;
- ii. **Kesejahteraan Komuniti**- peranan KRT, Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, Tabika dan Taska Perpaduan akan diperkasakan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin (bridge builder) dalam komuniti;
- iii. **Pendigitalan dan Teknologi**- Pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara;
- iv. **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan**- Melestarikan perpaduan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara; dan

- v. **Penambahbaikan Infrastruktur Perpaduan- Premis - Premis** Perpaduan diberikan tumpuan melibatkan perkhidmatan kepada orang awam terutamanya berkaitan skop pembaikan dan penyelenggaraan bangunan agensi-agensi di bawah KPN.

Selaras dengan Rancangan Malaysia ke-12 yang menyasarkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) sebanyak 0.7 menjelang tahun 2025, pelaksanaan program yang bersasar perlu dibuat bagi mewujudkan tapak integrasi yang mampu meningkatkan interaksi antara rakyat pelbagai bangsa dan agama.

Dalam sesi libat urus ini, KPN akan mengumpulkan semua cadangan yang diberikan dan mengemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk disemak dan diteliti dan seterusnya dipertimbangkan bagi dimasukkan dalam Belanjawan 2025. Diharapkan permohonan peruntukan yang dimohon oleh KPN akan diberikan keutamaan oleh Kementerian Kewangan dalam memastikan semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan rakyat Malaysia sentiasa terpelihara

Kementerian Perpaduan Negara

6 Ogos 2024